

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 3/1985**

=====

**PERWAKILAN KUASA KEPADA PENTADBIR TANAH DAERAH UNTUK  
DILULUSKAN PERMOHONAN-PERMOHONAN YANG DIBUAT OLEH  
BANK-BANK ASING BERKENAAN PEMEGANGAN GADAIAN ATAS TANAH-  
TANAH YANG TERTAKLUK KEPADA SYARAT KEGUNAAN  
KEDIAMAN ATAU PERNIAGAAN**

-----

Pekeliling ini dikeluarkan untuk membawa kepada pengetahuan Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Selangor mengenai keputusan mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan perkara tersebut di atas.

2. National Land Code Act 1984 (Akta A 587) yang telah berkuatkuasa pada 25/03/1985 menurut P.U.(B) 143 bertarikh 21hb Mac 1985, antara lain mengenakan sekatan urusan (dealings) mengenai tanah pertanian, kediaman dan perniagaan terhadap warganegara asing dan syarikat asing. Di bawah Seksyen 4338 Kanun Tanah Negara yang dipinda itu, urusan kepada warganegara asing dan syarikat asing tidak boleh dilaksanakan mengenai tanah-tanah bersyarat kediaman atau perniagaan, urusan kepada warganegara asing dan syarikat asing hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

3. Sehubungan dengan ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bermesyuarat pada 19/2/1985 telah membuat keputusan mewakili kuasa di bawah Seksyen 13 Kanun Tanah Negara kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk meluluskan permohonan-permohonan yang dibuat di bawah tanah-tanah yang tertakluk kepada mana-mana syarat kegunaan bagi maksud kediaman atau perniagaan. Perwakilan kuasa ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 25/3/1985.

4. Pejabat ini sedang mengambil tindakan untuk menggazetkan perwakilan kuasa tersebut. Oleh kerana penguatkuasaannya adalah bermula pada 25/3/1985, maka pentadbir-pentadbir tanah bolehlah mempertimbangkan untuk meluluskan permohonan-permohonan berkenaan daripada bank-bank asing.

T.T  
**(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
SHAH ALAM

BIL (6)DLM PTG.19/8

**\* PEKELILING INI DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.9/1985**